

Negara lain tak dapat tandingi sikap liberal Malaysia — PM

UM 18 SEP 1990

KUALA LUMPUR 17 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sikap liberal kerajaan dalam memberi kebebasan dan hak yang sama kepada semua kaum mengamalkan kebudayaan dan bahasa masing-masing tidak dapat ditandingi oleh negara-negara lain.

Menurut beliau, negara-negara di Barat yang mengakui diri mereka sebagai liberal juga tidak dapat memberi tempat kepada kewujudan bahasa dan budaya kaum lain kecuali hak mereka sendiri.

"Di sana bahasa mereka saja diutamakan, "tegas Perdana Menteri semasa merasmikan mesyuarat agung tahunan Persekutuan Persatuan - Persatuan Hokkien Malaysia di Hotel Federal di sini hari ini.

Sebagai contoh, katanya, rakyat Malaysia yang berhijrah ke

Australia, kini kehilangan identiti asal mereka kerana sudah diserapi oleh bahasa dan budaya tempatan.

Di Malaysia, tambahnya, budaya kaum-kaum yang wujud masih terpelihara dan tidak pernah dilarang untuk berkembang. "Bilangan penuntut-penuntut Melayu di sekolah-sekolah pengantar bahasa Cina juga sudah meningkat lebih 1,000 orang sekarang," ujar beliau.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa sikap liberal kerajaan itu adalah untuk mengekalkan keamanan dan ketenangan dalam negara dan ini seterusnya boleh mewujudkan kemakmuran.

Kemakmuran yang dicapai oleh Malaysia, katanya, telah membolehkan ekonominya tumbuh dengan pesat hingga mengatasi peratus pertumbuhan di negara-negara lain.

Beliau yakin bahawa kerajaan

sudah berjaya memenuhi kehendak dan keperluan semua kaum secara keseluruhannya walaupun ada pihak-pihak tertentu yang masih tidak puashati.

"Cuba lihat negara-negara berbilang kaum yang lain, banyak yang tidak berjaya dan terpaksa menindas kaum-kaum lain yang menghalang matlamat mereka," tambah Perdana Menteri.

Menurutnya, ada negara tertentu menggunakan kereta kebal untuk menghalau dan menghentikan bantahan yang dibuat oleh kaum-kaum tertentu.

"Seperti juga di sini, kita juga boleh menghantar kereta kebal ke Cheras tetapi kita tidak buat," ujarnya.

Beliau turut mengingatkan kembali peristiwa di tahun 1987 apabila seorang tentera menembak orang-orang awam di

bandaraya Kuala Lumpur hingga menimbulkan suasana tegang dan ketakutan di kalangan orang ramai.

Peristiwa seperti itu, katanya, sudah tentu memberi kesan negatif terhadap program-program pembangunan negara kerana masing-masing berperasaan curiga-mencurigai.

Perdana Menteri menegaskan bahawa dasar kerajaan yang menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara bebas di samping memastikan keseimbangan dalam pembahagian kekayaan juga tidak dapat ditandingi

oleh negara-negara lain.

Mengenai masyarakat Hokkien, beliau berharap agar masyarakat Hokkien di negara ini yang berjumlah lebih dua juta orang memainkan peranan yang produktif untuk pembangunan Malaysia.

Menurutnya, kejayaan orang-orang Hokkien di negara ini memang ketara sekali dan sebab itulah kerajaan mahu kaum ini memberi kerjasama yang lebih erat lagi ke arah pembangunan.

"Dengan pembangunan, kita akan dapat banyak kebaikan," tambah beliau.